

MARIAH MUDA  
RAIHANAH KHUDRI  
MD. SALLEH HASSAN

## Isu alam sekitar di dalam akhbar arus perdana di Malaysia

### Latar belakang Masalah

Lebih setengah abad yang lalu, sarjana komunikasi Harold Laswell telah mengenangkan idea tentang fungsi media sebagai pemerhati yang berterusan (*surveillance*) bagi hal ehwal alam sekitar (M. Alwi: 1994). Ini ditambah pula oleh gagasan Schramm yang berpendapat bahawa fungsi ini berlaku secara tiga peringkat komunikasi dalam masyarakat iaitu secara bersemuka, kumpulan dan melalui media massa. Dalam hal ini, individu berinteraksi sesama mereka sambil bertukar-tukar maklumat tentang isu-isu alam sekitar yang boleh mengancam atau memberikan nilai tambah kepada kehidupan mereka.

Maklumat-maklumat ini kemudiannya dibincang dan dinilai dalam sesebuah kumpulan masyarakat dengan tujuan mencari satu formula yang dipersetujui bersama bagi membentuk tindakan, norma dan nilai-nilai masyarakat yang baru, sebagai satu maklum balas kepada apa juga fenomena yang berlaku (M. Alwi:1994). Selepas itu, barulah media massa memainkan peranan menyebarkannya kepada audien yang lebih luas termasuk sistem pendidikan, pihak-pihak berkuasa, dan sebagainya. Inilah model keterlibatan media massa dalam isu-isu alam sekitar yang paling awal.

Menulusuri peranan media massa dalam melaporkan isu-isu alam sekitar, ianya mula meluas sejak berlangsungnya Persidangan Stockholm pada tahun 1972. Persidangan ini telah mengubah beberapa laporan alam sekitar yang sebelum ini berbentuk stereotaip seperti bentuk laporan tentang bencana alam semulajadi kepada bencana alam yang diakibatkan oleh perbuatan manusia. Ini telah

mengubah laporan media massa yang mula menekankan betapa pentingnya orang ramai menyedari akan peri pentingnya menjaga alam sekitar serta mengelak daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh mengancam kualiti alam sekitar. Kemudian, tumpuan media massa ialah membangkitkan kesedaran orang ramai tentang kerosakan dan kemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh manusia. Contoh yang paling sering digunakan ialah pengabaian alam sekitar sehingga mampu mengubah sebuah kawasan yang subur dengan tanam tanaman dan ribuan spesis haiwan menjadi sebuah gurun yang tandus seperti yang terjadi di daerah Sahel, di bahagian sub-Sahara di utara Afrika (Alwi:1984).

Kini, tumpuan media massa terutama di negara-negara membangun ialah mempromosikan isu alam sekitar sebagai satu isu yang membabitkan kesejahteraan semua orang pada masa kini dan akan datang. Ini kerana menurut Bellamy (1997), di negara-negara Asia, pemerintah berhadapan dengan dilema dalam melaksanakan pembangunan fizikal dan pengekalan mutu alam sekitar. Gibreath (1984) pula berpendapat bahawa ini adalah satu isu yang besar, kerana biasanya pembangunan fizikal yang membabitkan penebangan hutan, pembukaan tanah, pembakaran terbuka, pemotongan batu-batan untuk tujuan komersial biasanya akan menjelaskan kualiti alam sekitar. Justeru itu laporan di dalam media massa harus memberi penekanan kepada usaha memujuk orang ramai agar mengubah apa-apa bentuk kepenggunaan kepada yang mesra alam serta memberi tekanan kepada kerajaan agar memperuntuk dan menguatkuasakan undang-undang, serta juga memberi tekanan kepada pihak swasta agar memberi perhatian kepada pengekalan kualiti alam sekitar dalam setiap tindakan perniagaan mereka (Bellamy:1997).

Di Malaysia, dasar-dasar kerajaan adalah jelas bahawa biar apapun bentuk pembangunan fizikal yang berlaku, namun kualiti alam sekitar adalah satu perkara yang tidak mungkin dikorbankan. Ia dapat dilihat melalui penggubalan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan 1984). Di dalam dasar rancangan lima tahun negara, isu alam sekitar tetap diberi keutamaan. Menurut Rancangan Malaysia ke-8, tumpuan telah diberikan kepada usaha menangani isu alam sekitar dan sumber semulajadi secara bersepadan dan menyeluruh. Langkah-langkah telah diambil bagi mengenalpasti pengurusan berhemah, kos efektif, dan bersesuaian, yang boleh menghasilkan pelbagai faedah bagi memastikan pembangunan yang mampan dan berdaya tahan. Usaha untuk menangani pencemaran udara, mengatasi kemerosotan kualiti sungai, meningkatkan kualiti laut dan

air bawah tanah, serta menguruskan sisa buangan secara komprehensif akan diteruskan. Pengurusan sumber semulajadi akan dipertingkat dengan memperkuuhkan perancangan guna tanah, memperluaskan Pelan Tindakan Kepelbagaian Biologi ke beberapa negeri, memperluaskan pengurusan perhutanan mampan dan menangani isu pelbagai guna di kawasan laut. Usaha untuk menggalakkan pengukuran prestasi alam sekitar dan peralatan berasaskan pasaran serta penglibatan orang ramai dan menangani isu alam sekitar dan sumber semulajadi juga akan diberi tumpuan.

Di bawah Rancangan Lima Tahun ini juga, kerajaan telah mengambil inisiatif lain untuk memberi pengetahuan, mendapatkan penglibatan masyarakat, dan meningkatkan kefahaman tentang kesan buruk alam sekitar oleh seseorang individu.

Di negara ini, banyak pihak turut memainkan peranan dalam menjaga kualiti alam sekitar. Ianya termasuklah pihak kerajaan sendiri, badan-badan bukan kerajaan seperti World Wild Fund (WWF) dan Sahabat Alam, badan-badan korporat seperti Shell dan PETRONAS, kumpulan-kumpulan tertentu, individu, dan media massa. Meskipun tidak pernah diadakan forum rasmi yang membincangkan tentang alam sekitar dan media massa, namun penekanan turut diberikan kepada media massa untuk terus memainkan peranan yang aktif untuk melindungi dan mengekalkan alam sekitar terutamanya melalui galakan berasaskan komuniti (Rancangan Malaysia ke-8).

Ekoran daripada sandaran yang diletakkan oleh kerajaan kepada media massa, satu kajian untuk melihat corak liputan isu-isu alam sekitar di dalam akhbar arus perdana di negara ini dirasakan perlu dilakukan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk:

1. Mengenalpasti apakah isu-isu alam sekitar yang sering dipaparkan di dalam akhbar arus perdana di negara ini.
2. Mengenalpasti bagaimakah isu-isu alam sekitar dipaparkan di dalam akhbar arus perdana di negara ini.
3. Membuat perbandingan tentang apa dan bagaimana isu-isu alam sekitar diperlakukan oleh akhbar berbahasa Malaysia dan akhbar berbahasa Inggeris.

## Sorotan Literatur

Golhaber (1993) menegaskan bahawa dalam dunia hari ini, satu mekanisme perimbangan mesti wujud antara perniagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Pembangunan yang mampan memerlukan toleransi antara dua perkara ini ( Nitz, M:2004). Bagaimanapun dalam hal ini, media massa merupakan punca utama untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu alam sekitar ( Griffin & Dunwoody:1995). Ramai sarjana percaya bahawa sebahagian besar rakyat Amerika bergantung kepada media massa untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang alam sekitar ( Larson, Zimmermann, & Scherer:1982; Pierce, LeeSalmon, & Lovrich:1988). Sebagaimana yang disebut oleh Shanahan dan Good (1999), media massa berupaya menjadi pencetus kepada agenda alam sekitar. Dari perspektif organisasi, Golhaber (1993) menyebut bahawa media massa merupakan satu institusi sosial yang membolehkan maklumat diterima dan dikirim. Institusi ini juga berupaya menyalur dan menerima pendapat, saranan, dan keluhan daripada publik kepada pihak berkuasa tentang betapa pentingnya isu-isu alam sekitar kepada kehidupan. Media massa pula kemudiannya didapati berupaya mempengaruhi pendapat umum, yang akhirnya boleh mempengaruhi pembuat polisi.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan media massa adalah satu-satunya sumber yang sering digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu alam sekitar ( Shanahan & Mc Comas: 1997). Justeru itu media massa seharusnya menyiarkan isu-isu alam sekitar secara jujur dan betul dengan menyediakan laporan yang mendalam dan seimbang. Bagaimanapun menurut Cantrill (1993), laporan tentang isu-isu alam sekitar di dalam media massa sering mengelirukan disebabkan oleh liputan yang kurang baik. Ramai sarjana mendakwa liputan isu-isu alam sekitar oleh media massa dirosakkan oleh laporan yang tidak konsisten, terpesong dari perkara sebenar, tidak jelas, berulang-ulang atau kadang-kadang muncul sekali-sekala, dan tafsiran data yang tidak tepat ( Adler:1992, Chepesiuk:1993, Nitz & Jarvis: 1995, Nitz & Jarvis: 1998, Shanahan & McComb:1997, Stavins:1995). Dalam masa yang sama, pentadbiran media yang terdapat pada institusi-institusi masyarakat yang banyak menghasilkan pencemaran pula sering mengenakan peraturan atau kerentan sehingga para wartawan terpaksa membuat laporan isu-isu alam sekitar sambil lewa ( Griffin & Dunwoody:1995).

Dalam usaha menjadikan sesuatu laporan alam sekitar satu isu yang sensasi, semasa, dan mudah, media massa mengambil jalan

mudah dengan membuat laporan yang tidak menekankan risiko sesuatu isu kepada manusia ( Jaehne:1990). Apabila melaporkan isu-isu alam sekitar, media massa selalunya hanya mengenalpastikan masalah tanpa membincangkan jalan penyelesaiannya ( Grunig, 1977). Ini menyumbang kepada fenomena di mana usaha untuk meningkatkan perhatian televisyen kepada isu alam sekitar akan membawa kepada berkurangnya perhatian kepada isu tersebut (Shanahan & McComas, 1997).

Analisis kandungan ke atas media massa untuk melihat liputan isu-isu alam sekitar di dalam media massa sering dilakukan sejak lama dahulu, namun ianya masih dianggap sebagai satu bidang yang belum betul-betul dijelajahi dengan mendalam dan terperinci (Detwiller, 2004). Minat tentang liputan isu-isu alam sekitar di dalam media massa sebenarnya bermula akibat daripada letusan isu-isu alam sekitar yang telah mengejutkan ramai masyarakat dunia pada tahun-tahun 1960-an dan selepas itu memuncak pada sekitar Hari Bumi pada tahun 1970 ( Rubin & Sachs, 1973). Analisis kandungan yang pertama dilakukan oleh Clausing (1971) dalam *fish and game magazine* (Detwiller, 2004). Dalam kajian tersebut , beliau mendapati bahawa majalah ini telah melakukan perubahan yang sedikit dari segi liputannya yang boleh memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memelihara keseimbangan ekologi dari tahun 1960 sehingga 1968.

Belak (1972) membuat susulan kepada kajian oleh Clausing. Beliau telah membuat persampelan ke atas majalah *fish and game* pada tahun 1908, 1934, dan 1968 sehingga 1970. Pemilihan tahun-tahun ini dibuat atas justifikasi bahawa inilah tahun-tahun di mana isu alam sekitar banyak dibincangkan di dalam masyarakat. Hasil kajian beliau menunjukkan corak liputan telah banyak berubah bagi majalah ini bagi majalah terbitan 1968 sehingga 1970. Walau bagaimanapun isu-isu yang dilaporkan ialah berkaitan dengan isu *fish and game* sepertimana yang ditemui oleh Clausing sebelum ini.

Rubin dan Sachs (1973) telah membuat satu kajian untuk meneliti tentang pertambahan liputan isu-isu alam sekitar. Kedua-dua pengkaji ini telah menganalisis beberapa media cetak, termasuk *San Francisco Chronicle* , *Reader's Digest*, dan *Time* yang diterbitkan dari tahun 1965 sehingga 1970. Hasil kajian mereka menunjukkan terdapat pertambahan yang amat sedikit dari setahun ke setahun dari segi jumlah liputan isu-isu alam sekitar. Isu yang paling kerap mendapat liputan ialah kependudukan dan keperluan air serta kualiti air. Manakala isu yang paling sedikit diberi liputan ialah isu pengurusan tenaga.

Hoestrey & Bowman (1976) telah membuat kajian susulan kepada kajian oleh Belak (1972). Dalam kajian tersebut, mereka ingin melihat kuantiti liputan isu-isu alam sekitar di dalam dua majalah terkenal iaitu *Adubon* dan *Sierra Club Bulletin*. Hasil kajian mereka menunjukkan kedua-dua majalah mengutamakan liputan bercorak umum (general), dalaman (interior), dan masalah di kawasan pedalaman (rural). Pun begitu, *Sierra Club Bulletin* ada juga memberi penekanan kepada isu-isu kedaerahan dan kawasan bandar. Kedua-dua majalah ini juga turut memberi keutamaan kepada soal keterlibatan institusi politik dengan isu alam sekitar.

Strodthoff, Hawkins, dan Schoenfeld (1985) telah membuat analisis kandungan untuk melihat corak liputan isu-isu alam sekitar berdasarkan Model Serapan Ideologi ( Ideology Diffusion Model). Mereka berpegang kepada andaian bahawa liputan isu-isu alam sekitar akan dipengaruhi oleh kelaziman atau *routinization*. Ini bermaksud, liputan isu-isu sekitar biasanya bermula dengan liputan tentang gerakan sosial yang baru dan kurang dikenali sehinggalah wujud satu kelaziman di mana perkara-perkara tadi semakin boleh diterima oleh orang ramai, dan dalam masa yang sama menuntut liputan yang berterusan. Analisis yang dibuat ke atas majalah alam sekitar *Adubon* dan *Environment* serta majalah umum *Time* dan *Saturday Review* dari tahun 1959 sehingga 1979 mendapati corak liputan isu-isu alam sekitar adalah bergerak selari dengan gagasan Model Serapan Ideologi.

McGeachy (1989) mendapati bahawa liputan isu-isu alam sekitar di dalam media cetak yang sebelum ini dipaparkan menerusi ruangan khas ‘alam sekitar’, kemudiannya jadi berkurangan apabila isu-isu alam sekitar dilaporkan sebagai berita am yang dimuatkan di dalam ruangan-ruangan lain. Beliau telah mengkaji perubahan dari segi kuantiti liputan isu-isu alam sekitar di dalam beberapa majalah pengguna termasuk majalah *Time* dari tahun 1961 sehingga tahun 1986. Hasil kajian beliau mendapati liputan tentang alam sekitar bertambah pada tempoh akhir 1960-an dan awal 1970-an, tetapi berkurangan pada akhir 1970-an. Kadar liputan kemudiannya mendatar pada tahun-tahun 1980an tetapi lebih tinggi daripada tahap awal 1960an.

Howenstine (1987) telah membuat satu kajian yang agak berlainan. Beliau telah membuat analisis kandungan ke atas dua akhbar harian nasional *Washington Post* dan *New York Times* dan dua akhbar mingguan nasional *Time* dan *Newsweek* dari tahun 1970 sehingga tahun 1982. Hasil kajian beliau mendapati, terdapat perubahan yang nyata dari segi sudut pandangan liputan yakni

berubah dari liputan tentang kualiti alam sekitar kepada liputan tentang manipulasi alam sekitar sebagai sumber pembangunan.

Detwiller (2004) menganalisis liputan isu-isu alam sekitar dalam majalah *Time* dan akhbar *New York Times* yang diterbitkan dalam tahun 1991 dan 1992. Kajian beliau bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri liputan, perbezaan liputan, dan perbezaan liputan pada tahun di mana pilihanraya Presiden Amerika diadakan, bagi kedua-dua media cetak terkemuka ini. Hasil kajian beliau mendapati bahawa *New York Times* 1991 memaparkan lebih banyak artikel alam sekitar di bandar dan luar bandar berbanding dengan liputan *Time* 1991, namun begitu majalah *Time* pula lebih banyak memaparkan liputan tentang isu-isu alam sekitar tanpa menyebut lokasi. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kuantiti liputan isu-isu alam sekitar bagi kedua-dua media cetak tersebut bagi tahun bukan pilihanraya (1991) dan tahun pilihanraya (1992).

Di Malaysia, hampir tidak ada sarjana yang menumpukan kajian mereka kepada liputan isu-isu alam sekitar dalam media massa meskipun ianya adalah satu isu yang penting dalam kehidupan rakyat di negara ini. Jika adapun terdapat kajian-kajian yang dibuat di kalangan pelajar sarjana muda. Mohd. Hatta (2001) telah menganalisis isu-isu alam sekitar dalam akhbar Berita Harian dan *Borneo Post* bagi tempoh bulan November 2000. Tujuan kajian beliau ialah mengenalpsti liputan isu-isu alam sekitar dari aspek sumber maklumat, bentuk isu yang dipaparkan, orientasi penulisan, kaedah penulisan, dan lokasi pelaporan. Hasil kajian ini mendapati sumber laporan ialah pegawai kerajaan, bentuk isu alam sekitar yang dilaporkan ialah bencana alam, orientasi penulisan yang paling banyak ialah untuk memberitahu, laporan adalah berbentuk berita umum, manakala lokasi laporan ialah dalam negara. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa oleh sebab majoriti artikel adalah berbentuk berita umum dan ditulis dengan tujuan untuk memberitahu, maka peranan media massa untuk menyedarkan orang ramai atau mengubah sikap orang ramai tentang pentingnya menjaga alam sekitar masih belum tercapai.

Rohani (1992) telah menganalisis isu pencemaran alam sekitar di dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia yang diterbitkan dalam tahun 1990. Tema isu alam sekitar yang dikaji ialah kualiti air, udara, tanah, bunyi bising, sampah sarap, dan pencemaran secara am. Bagi setiap artikel, aspek yang dikaji ialah penonjolan, arah penulisan, penulis, dan lokasi laporan. Hasil kajian mendapati akhbar Berita Harian lebih banyak memaparkan isu pencemaran alam sekitar berbanding dengan akhbar Utusan Malaysia pada tahun 1990. Kajian

ini juga mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua akhbar ini dari segi penonjolan, dan arah penulisan. Tema yang paling banyak dilaporkan ialah masalah sampah sarap. Majoriti artikel ditulis oleh wartawan akhbar itu sendiri, dan kawasan liputan ialah di bahagian tengah Semenanjung Malaysia.

### Kaedah Kajian

Di dalam kajian ini, dua buah akhbar arus perdana yang mewakili dua bahasa iaitu Utusan Malaysia dan *The Star* telah dianalisis. Kedua-dua buah akhbar ini dipilih kerana pada tahun 2003, kedua-duanya mencatatkan edaran yang tertinggi bagi kumpulan akhbar berbahasa Malaysia dan bahasa Inggeris masing-masing. Skop kajian ini ialah selama enam bulan iaitu enam bulan kedua tahun 2003. Pilihan setengah tahun kedua tahun 2003 dilakukan kerana ianya adalah masa yang paling terkini yang sesuai dilakukan. Daripada 368 naskhah akhbar Utusan Malaysia dan *The Star* yang diterbitkan mulai 1 Julai 2003 sehingga 31 Disember 2003, sebanyak 54 naskhah telah dipilih secara *constructed week*. Ia membabitkan 27 buah naskhah akhbar untuk setiap akhbar. Tarikh-tarikh yang terpilih adalah seperti di Jadual 1:

JADUAL 1  
Taburan sampel  
akhbar Utusan  
Malaysia dan  
*The Star*  
mengikut tarikh

Hari	Tarikh			
Isnin	2/6/2003	28/7/2003	22/9/2003	22/9/2003
Selasa	10/6/2003	5/8/2003/	30/9/2003	30/9/2003
Rabu	18/6/2003	13/8/2003	8/10/2003	8/10/2003
Khamis	26/6/2003	21/8/2003	16/10/2003	16/10/2003
Jumaat	4/7/2003	29/8/2003	24/10/2003	24/10/2003
Sabtu	12/7/2003	6/9/2003	1/11/2003	1/11/2003
Ahad	20/7/2003	14/9/2003	9/11/2003	9/11/2003

Di dalam kajian ini, beberapa angkubah telah dikenalpasti untuk diteliti. Ia termasuklah kadar isu-isu alam sekitar di dalam akhbar yang dikaji, isu-isu alam sekitar mengikut bilangan dan jenis akhbar, kategori artikel, tema artikel, kedudukan artikel, *dateline* artikel, sumber, keluasan, orientasi penulisan, dan penggunaan gambar.

## Hasil Kajian

### Liputan Isu-isu Alam Sekitar

Daripada 54 naskhah bagi kedua-dua akhbar arus perdana yang dianalisis, didapati hanya 39 naskhah atau 72.2 peratus mengandungi artikel tentang alam sekitar. Bagi akhbar Utusan Malaysia, daripada 27 sample yang dianalisis, hanya 17 akhbar atau 63.0 peratus mempunyai artikel tentang alam sekitar. Bagi akhbar The Star pula, daripada 27 akhbar yang dianalisis, sebanyak 22 akhbar atau 81.5 peratus mempunyai artikel tentang alam sekitar. Ini menunjukkan akhbar The Star lebih banyak memberi peruntukan kepada artikel-artikel alam sekitar. Sila rujuk Jadual 2.

Akhbar	Ada	Tiada
Utusan Malaysia ( n=27)	17 ( 63.0%)	10 ( 37.0%)
The Star (n=27)	22 ( 81.5%)	5 ( 18.8%)
Jumlah	39 ( 72.2%)	15 ( 38.5%)

JADUAL 2  
Taburan jumlah akbar yang mengandungi artikel alam sekitar

Daripada kedua-dua akhbar tersebut, didapati terdapat 102 artikel di dalamnya dengan masing-masing Utusan Malaysia sebanyak 35 artikel manaka The Star sebanyak 62 artikel tentang alam sekitar.

Akhbar	Kekerapan (N=102)	Peratusan
Utusan Malaysia	35	34.3
The Star	67	66.0
Jumlah	102	100.0

JADUAL 3  
Taburan jumlah artikel alam sekitar mengikut akhbar

Dari segi liputan artikel mengikut kategori, Jadual 4 menunjukkan daripada 102 artikel bagi kedua-dua akhbar, majoriti artikel iaitu 64.7% adalah berbentuk berita, 21.6% artikel berbentuk rencana, 6.9% berbentuk surat kepada pengarang, dan 2.0% dari kategori *advertisorial article*.

Jadual 4  
Taburan jumlah artikel alam sekitar mengikut kategori

Kategori Artikel	Kekerapan (N=102)	Peratusan
Berita	66	64.7
Rencana	22	21.6
Surat K. Pengarang	7	6.9
Advertorial	2	2.0
Jumlah	102	100.0

#### Liputan Kategori Artikel Mengikut Akhbar

Dari segi taburan kategori artikel mengikut akhbar, kajian ini mendapati kedua-dua akhbar memuatkan paling banyak artikel berbentuk berita, iaitu 94.1 peratus bagi Utusan Malaysia dan 50.8% bagi akhbar The Star. Seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 5, kajian ini juga menunjukkan The Star juga memberi pekanan kepada siaran artikel berbentuk rencana. Ini kerana The Star telah memaparkan sebanyak 31.3% berbentuk rencana berbanding dengan Utusan Malaysia yang hanya memberikan liputan sebanyak 2.9 peratus.

JADUAL 5  
Taburan jumlah artikel alam sekitar mengikut kategori berdasarkan jenis akhbar

Kategori Artikel	U.Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Berita	32 (91.1%)	34 (50.8%)	66 (64.71%)
Rencana	1 (2.0 %)	21 (31.3%)	22 (21.6%)
Surat K. Pengarang	0 -	7 (10.5%)	7 (6.9%)
Advertorial	2 (5.7%)	5 (7.5 %)	2 ( 2.0%)
Jumlah	35 (100.0%)	67 ( 100.0%)	102 (100.2%)

#### Kedudukan Artikel Dalam Akhbar

Dari segi kedudukan artikel alam sekitar di dalam kedua-dua akhbar yang dikaji, Jadual 6 menunjukkan majoriti artikel iaitu 97.1% dimuatkan di dalam muka surat dalam, bagi kedua-dua akhbar. Hanya 2.0% yang pernah menjadi tajuk utama.

JADUAL 6  
Taburan kedudukan artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

Kedudukan Artikel	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Tajuk Utama	1 (2.0%)	1 ( 1.5%)	2 ( 2.0%)
Muka Depan	0 -	1 (1.5% )	1 (2.0%)
Muka Dalam	34 ( 97.1%)	65 (97.0%)	99 (97.1%)
Jumlah	35 (100.0%)	67 (100.0%)	102 (100.0%)

Jika ditinjau berdasarkan akhbar, kedua-dua akhbar meletakkan majoriti artikel alam sekitarnya di dalam muka surat dalam iaitu 97.1% bagi Utusan Malaysia, dan 97.0% bagi akhbar The Star. Pun begitu, kedua-dua akhbar ini telah memberikan satu artikel sebagai tajuk utama.

**Dateline liputan**

Dari segi *dateline* liputan, kajian ini mendapati sebahagian besar artikel iaitu 66.7% adalah dari dalam negara. Manakala selebihnya iaitu 33.3% adalah dari luar negara. Dari segi akhbar pula, kedua-dua akhbar menggunakan lebih banyak artikel alam sekitar dari dalam negara berbanding dengan artikel alam sekitar dari luar negara sepetimana yang boleh ditunjuk pada Jadual 7.

Dateline Artikel	U.Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Dalam Negara	22 (62.9%)	46 ( 68.7%)	68 ( 66.7%)
Luar Negara	13 ( 37.1%)	21 (31.3%)	34 (33.3%)
Jumlah	35 (100.0%)	67 ( 100.0%)	102 (100.0%)

**JADUAL 7**  
Taburan  
dateline artikel  
alam sekitar  
mengikut jenis  
akhbar

**Sumber Artikel**

Dari segi sumber artikel, majoriti artikel iaitu 70.6% datangnya dari laporan pemberita bagi akhbar itu sendiri. Sebanyak 23.0% lagi dipetik dari agensi berita luar negara. Terdapat 6.7% artikel yang merupakan surat kepada pengarang.

Keadaan ini serupa bagi akhbar Utusan Malaysia di mana majoriti artikel iaitu 62.9% adalah artikel yang ditulis oleh pemberita akhbar itu sendiri. Bagi The Star pula, kajian ini menunjukkan 74.6% artikelnya ditulis oleh pemberita mereka sendiri. Bagi artikel yang tidak dinyatakan sumbernya, ianya adalah ditulis oleh penulis rencana yang terdiri daripada ahli-ahli akademik atau orang awam yang menyumbangkan artikel mereka di dalam akhbar. Sila rujuk Jadual 8 untuk keterangan yang lebih terperinci.

JADUAL 8  
Taburan sumber artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

Sumber Artikel	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
In-house (by line)	20 (57.1%)	29 (43.3%)	49 (48.0%)
In-house (tanpa by line)	2 (5.7%)	21 (31.3%)	23 (22.5%)
Agensi	3 (8.6%)	1 (1.5%)	4 (3.9%)
Reuters	2 (5.7%)	6 (9.0%)	8 (7.8%)
AFP	4 (11.4%)	5 (7.5%)	9 (8.8%)
Tidak dinyatakan	4 (11.4%)	5 (7.5%)	9 (8.8%)
Jumlah	35 (100.0%)	67 (100.0%)	102 (100.0%)

#### Keluasan Artikel

Keterangan di Jadual 8 menunjukkan sebanyak 27.5% artikel mempunyai keluasan lebih daripada 200cm<sup>2</sup> setiap satu. Ini bermakna majoriti artikel iaitu 72.5% mempunyai keluasan kurang daripada 200cm<sup>2</sup>. Ini diikuti oleh artikel yang mempunyai keluasan kurang daripada 50cm<sup>2</sup> iaitu 23.5%. Bagi akhbar Utusan Malaysia, sebanyak 88.6% mempunyai keluasan kurang daripada 200cm<sup>2</sup>. Bagi akhbar The Star, sebanyak 64.2% mempunyai keluasan kurang daripada 200cm<sup>2</sup>.

JADUAL 9  
Taburan keluasan artikel (cm<sup>2</sup>) alam sekitar mengikut jenis akhbar

Saiz Artikel ( cm <sup>2</sup> )	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Kurang drp. 50cm <sup>2</sup>	13 (37.1%)	11 (16.4%)	24 (23.5%)
51 cm <sup>2</sup> - 100 cm <sup>2</sup>	9 (25.7%)	7 (10.4%)	16 (15.7%)
101cm <sup>2</sup> – 150 cm <sup>2</sup>	6 (17.1%)	14 (20.9%)	20 (19.6%)
151 cm <sup>2</sup> – 200 cm <sup>2</sup>	3 (8.6%)	11 (16.4%)	14 (13.7%)
Lebih drp.200 cm <sup>2</sup>	4 (11.4%)	24 (35.8%)	28 (27.5%)
Jumlah	35 (100.0%)	67 (100.0%)	102 (100.0%)

#### Orientasi Penulisan

Dari segi liputan artikel mengikut orientasi penulisan, Jadual 9 menunjukkan 50.0% artikel merupakan liputan biasa, diikuti oleh 23.5% yang merupakan artikel yang mengandungi mesej pendidikan alam sekitar dan ingin mengajak masyarakat menanam kesedaran tentang perihal pentingnya memulihara alam sekitar. Bagi Utusan Malaysia, majoriti artikel iaitu 74.3% adalah artikel yang berbentuk liputan biasa. Terdapat keadaan juga sama dengan akhbar The Star,

di mana majoriti artikel iaitu 37.3% adalah artikel yang merupakan sekadar liputan biasa.

Orientasi Penulisan	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Liputan Biasa	26 (74.3%)	25 (37.3%)	51 (50.0%)
Kritikan	1 (2.9%)	18 (26.9%)	19 (8.6%)
Mesej pendidikan/kesedaran	5 (14.3%)	19 (28.4%)	24 (23.5%)
Ajak m'kat hargai alam sekitar	3 (8.6%)	5 (7.5%)	8 (7.8%)
Jumlah	35 (100)	67 (100%)	102 (100%)

JADUAL 9  
Taburan orientasi penulisan artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

### Tema Liputan

Kajian ini menunjukkan terdapat dua tema yang popular bagi artikel di dalam kedua-dua akhbar yang dikaji. Kedua-dua tema tersebut ialah bencana alam, dan usaha penjagaan alam sekitar. Sebanyak 30.4% artikel membawa tema bencana alam, manakala 25.5% adalah bertemakan usaha penjagaan alam sekitar. Jadual 10 menunjukkan bahawa bagi akhbar Utusan Malaysia pula, senario yang sama dapat diperhatikan. Sebanyak 51.4% merupakan artikel tentang bencana alam dan 28.6% ialah artikel yang bertemakan usaha penjagaan alam sekitar. Bagi akhbar The Star pula dua tema menjadi pilihan iaitu penjagaan alam sekitar dan bencana alam. Ini ditunjukkan oleh 23.9 % bagi tema usaha penjagaan alam sekitar dan 19.40% ialah berkaitan dengan bencana alam.

Tema Artikel	U.Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Bencana Alam	18 (51.4%)	13 (19.4%)	31 (30.4%)
Menjaga Alam Sekitar	10 (28.6%)	-	26 (25.5%)
Promosi Alam Sekitar	2 (5.7 %)	-	11 (10.8%)
Melindungi Hidupan Liar/ Hampir Pupus	2 (5.7 %)	-	11 (10.8%)
Pencemaran Darat	1 (2.9 %)	-	9 (8.8%)
Melindungi Hidupan Air	0 -	-	5 (4.9 %)
Pencemaran Pantai /Laut	0 -	-	3 (2.9%)
Pencemaran Udara	0 -	-	2 (2.0 %)
Penguatkuasaan Alam Sekitar	0 -	-	2 (2.0 %)
Pencemaran Bunyi	0 -	-	1 (1.0 %)
Pendakwaan	0 -	-	1 (1.0 %)
Pencemaran Air/Sungai	0 -	-	0 (0.0%)
Jumlah	35 (100.0%)	-	102 (100.0%)

JADUAL 10  
Taburan tema artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

di mana majoriti artikel iaitu 37.3% adalah artikel yang merupakan sekadar liputan biasa.

Orientasi Penulisan	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Liputan Biasa	26 (74.3%)	25 (37.3%)	51 (50.0%)
Kritikan	1 (2.9%)	18 (26.9%)	19 (8.6%)
Mesej pendidikan/kesedaran	5 (14.3%)	19 (28.4%)	24 (23.5%)
Ajak m'kat hargai alam sekitar	3 (8.6%)	5 (7.5%)	8 (7.8%)
Jumlah	35 (100)	67 (100%)	102 (100%)

JADUAL 9  
Taburan orientasi penulisan artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

### Tema Liputan

Kajian ini menunjukkan terdapat dua tema yang popular bagi artikel di dalam kedua-dua akhbar yang dikaji. Kedua-dua tema tersebut ialah bencana alam, dan usaha penjagaan alam sekitar. Sebanyak 30.4% artikel membawa tema bencana alam, manakala 25.5% adalah bertemakan usaha penjagaan alam sekitar. Jadual 10 menunjukkan bahawa bagi akhbar Utusan Malaysia pula, senario yang sama dapat diperhatikan. Sebanyak 51.4% merupakan artikel tentang bencana alam dan 28.6% ialah artikel yang bertemakan usaha penjagaan alam sekitar. Bagi akhbar The Star pula dua tema menjadi pilihan iaitu penjagaan alam sekitar dan bencana alam. Ini ditunjukkan oleh 23.9 % bagi tema usaha penjagaan alam sekitar dan 19.40% ialah berkaitan dengan bencana alam.

Tema Artikel	U.Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Bencana Alam	18 (51.4%)	13 (19.4%)	31 (30.4%)
Menjaga Alam Sekitar	10 (28.6%)	-	26 (25.5%)
Promosi Alam Sekitar	2 (5.7 %)	-	11 (10.8%)
Melindungi Hidupan Liar/ Hampir Pupus	2 (5.7 %)	-	11 (10.8%)
Pencemaran Darat	1 (2.9 %)	-	9 (8.8%)
Melindungi Hidupan Air	0 -	-	5 (4.9 %)
Pencemaran Pantai /Laut	0 -	-	3 (2.9%)
Pencemaran Udara	0 -	-	2 (2.0 %)
Penguatkuasaan Alam Sekitar	0 -	-	2 (2.0 %)
Pencemaran Bunyi	0 -	-	1 (1.0 %)
Pendakwaan	0 -	-	1 (1.0 %)
Pencemaran Air/Sungai	0 -	-	0 (0.0%)
Jumlah	35 (100.0%)	-	102 (100.0%)

JADUAL 10  
Taburan tema artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

Selain daripada tema di atas, kajian ini juga mendapati jumlah artikel yang melaporkan tentang bencana alam secara semulajadi masih melebihi artikel-artikel yang bertemakan tentang bencana alam atau kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh perbuatan manusia. Daripada 102 artikel yang ditemui, 30.4 peratus melaporkan bencana alam semula jadi manakala 25.5 peratus artikel adalah bertemakan bencana alam atau kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh perbuatan manusia.

Dari segi akhbar pula, Jadual 11 menunjukkan bahawa akhbar The Star lebih banyak memaparkan artikel yang bertemakan bencana alam atau kerosakan alam sekitar yang disebabkan oleh perbuatan manusia. Ini ditunjukkan oleh pemaparan 31.3 peratus artikel, berbanding dengan Utusan Malaysia yang hanya memaparkan 14.3 peratus artikel.

**JADUAL 11**  
Taburan tematema lain bagi artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

Tema Artikel	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Bencana Alam Semulajadi/ Laporan Biasa	18 (51.4%)	13 (19.4%)	31 (30.4%)
Bencana Alam/ Kerosakan oleh Manusia	5 (14.3%)	21 (31.3%)	26 (25.5%)
Tidak Berkenaan	12 (34.3%)	33 (49.3%)	45 (44.1%)
Jumlah	35 (100%)	67 (100%)	102 (100%)

#### Penggunaan Gambar Dalam Artikel

Dari segi penggunaan gambar, didapati majoriti artikel iaitu 41.2 peratus artikel tidak disertai dengan gambar. Pun begitu didapati 9.8 peratus artikel mempunyai lebih daripada tiga gambar bagi satu artikel. Bagi akhbar Utusan Malaysia, majoriti artikel yakni 65.7 peratus tidak memuatkan sebarang gambar. Bagi akhbar The Star pula, majoriti artikel iaitu 32.8 peratus mempunyai satu gambar bagi setiap artikel. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk jadual 12.

**JADUAL 12**  
Taburan penggunaan gambar bagi artikel alam sekitar mengikut jenis akhbar

Penggunaan Gambar Pada Artikel	U. Malaysia (N=35)	The Star (N=67)	Jumlah (N=102)
Tiada	23 (65.7%)	19 (28.4%)	42 (41.2%)
Satu	8 (22.9%)	22 (32.8%)	30 (29.4%)
Dua	1 (2.9%)	12 (17.9%)	13 (12.7%)
Tiga	2 (5.7%)	5 (7.5%)	7 (6.9%)
Lebih drp. Tiga	1 (2.9%)	9 (13.4%)	10 (9.8%)
Jumlah	35 (100%)	67 (100%)	102 (100%)

### Tema dan Kecondongan Artikel

Dari segi tema dan kecondongan liputan, Jadual 13 menunjukkan 100 peratus daripada artikel bencana alam adalah berbentuk ‘liputan biasa’. Bagi artikel yang bertemakan ‘menjaga alam sekitar’, 38.5 peratus daripadanya berbentuk ‘liputan biasa’ manakala 34.6 peratus mengandungi ‘mesej pendidikan/ kesedaran alam sekitar’, 15.4 peratus mengandungi ‘kritikan tentang keadaan alam sekitar yang sedia ada’, dan 11.5 peratus ‘mengajak masyarakat menghargai alam sekitar’. Daripada 102 artikel kesemuanya, 10.8 peratus bertemakan ‘promosi alam sekitar’. Daripada jumlah tersebut, 27.3 peratus mengandungi ‘kritikan tentang alam sekitar yang sedia ada’, mengandungi ‘mesej pendidikan/ kesedaran alam sekitar’, dan ‘mengajak masyarakat menghargai alam sekitar’ masing-masing.

Tema/kecondongan liputan	liputan biasa N=51	Kritikan N=19	Mesej pen-didikan/ kesedaran alam sek N=24	Ajak m'kat hargai alam sek N=8	Jumlah N=102
Bencana alam	31(60.8%)	0	0	0	31(30.4%)
Menjaga alam sekitar	10(19.6%)	4(21.1%)	9(37.5%)	3(37.5%)	26(25.5%)
Melindungi hidupan liar/hampir pupus	4(7.8%)	1(5.3%)	6(25.0%)	0	11(10.8%)
Promosi alam sekitar	2(3.9%)	3(15.8%)	3(12.5%)	3(37.5%)	11(10.8%)
Pencemaran darat	1(2.0%)	5(26.3%)	2 (8.3%)	1(12.5%)	9(8.8%)
Melindungi hidupan air	0	1(5.3%)	3 (12.5%)	1 (12.5%)	5(4.9%)
Pencemaran pantai/laut	1(2.0%)	2(10.5%)	0	0	3(2.9%)
Pencemaran udara	0	2(10.5%)	0	0	2(2.0%)
Penguatkuasaan alam sekitar	1(2.0%)	0	1 (4.2%)	0	2(2.0%)
Pendakwaan	1(2.0%)	0	0	0	1(1.0%)
Pencemaran bunyi	0	1(5.3%)	0	0	1(1.0%)
Jumlah	51(100%)	19(100%)	24(100%)	8(100%)	102(100%)

JADUAL 13  
Taburan tema bagi artikel alam sekitar mengikut kecondongan liputan

Bagi artikel yang bertemakan ‘bencana alam’, 51.2 peratus mempunyai keluasan kurang daripada 100 cm<sup>2</sup>. Terdapat hanya dua artikel tentang ‘pencemaran udara’, namun begitu keluasan liputannya melebihi 151cm<sup>2</sup>. Daripada sembilan artikel tentang pencemaran darat, 44.4 peratus mempunyai keluasan liputan lebih daripada 200 cm<sup>2</sup>.

JADUAL 14. Taburan kluasan artikel mengikut tema liputan

Tema	Kurang 50cm <sup>2</sup>	51-100 cm <sup>2</sup>	101-150cm <sup>2</sup>	151-200cm <sup>2</sup>	Lebih 200cm <sup>2</sup>	Jumlah
Bencana alam	8( 25.8%)	8( 25.8%)	7(22.6%)	5(16.1%)	3(9.7%)	31(100.0%)
Menjaga alam sekitar	8(30.8%)	2(7.7%)	5(19.2%)	5(19.2%)	6(23.1%)	26(100.0%)
Promosi alam sekitar	5(45.5%)	0(0.0%)	218.2%	1(9.1%)	3(27.3%)	11(100.0%)
Melindungi hidupan liar/hampir pupus	0(0.0%)	2(18.2%)	4(36.4%)	1(9.1%)	4(36.4%)	11(100.0%)
Pencemaran darat	1(11.1%)	3(33.3%)	1(33.3%)	0(0.0%)	4(44.4%)	9(100.0%)
Melindungi hidupan air	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	5(100.0%)	5(100.0%)
Pencemaran pantai/laut	0(0.0%)	0(0.0%)	1(33.3%)	1(33.3%)	1(33.3%)	3(100.0%)
Penguatkuasaan alam sekitar	1(50.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(50.0%)	2(100.0%)
Pendakwaan	0(0.0%)	1(100.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(100.0%)
Menjaga alam sekitar	8(30.8%)	2(7.7%)	5(19.2%)	5(19.2%)	6(23.1%)	26(100.0%)
Pencemaran bunyi	1(100.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	0(0.0%)	1(100.0%)
Jumlah	24(23.5%)	16(15.7%)	20(19.6%)	14(13.7%)	28(27.5%)	102(100.0%)

Meskipun hanya terdapat tiga artikel tentang ‘pencemaran pantai / laut’ namun keluasan liputannya melebihi 100 cm<sup>2</sup>. Bagi artikel ‘melindungi hidupan air’, kesemua lima artikelnya mempunyai keluasan liputan melebihi 200 cm<sup>2</sup>. Bagi tema ‘penjagaan alam sekitar,’ 42.3 peratus mempunyai keluasan liputan melebihi 151 cm<sup>2</sup>.

Kajian ini juga mendapati hanya satu artikel tentang pendakwaan dan keluasan liputannya ialah kurang daripada 100 cm<sup>2</sup>. Bagi tema ‘promosi alam sekitar’, terdapat 11 artikel tentangnya. Daripada jumlah tersebut, 72.7 peratus mempunyai keluasan liputan kurang dariapada 200cm<sup>2</sup>. Terdapat hanya satu artikel tentang ‘pencemaran bunyi’ dan keluasan liputannya juga sangat kecil iaitu kurang daripada 50 cm<sup>2</sup> seperti mana yang terdapat pada Jadual 14.

Kajian ini mendapati, terdapat 50.0 peratus artikel yang mempunyai kecondongan sebagai ‘sekadar liputan biasa’. Sejumlah 94.1 peratus mempunyai keluasan liputan kurang daripada 200 cm<sup>2</sup>. Terdapat 8.6 peratus artikel mempunyai kecondongan sebagai ‘mengkritik tentang keadaan alam sekitar yang sedia ada’. Daripada jumlah tersebut, 68.4 peratus mempunyai keluasan liputan kurang daripada 100 cm<sup>2</sup>. Bagi tema yang mempunyai kecondongan sebagai ‘mengandungi mesej pendidikan / kesedaran alam sekitar’, majoriti artikel iaitu 70.8 peratus mempunyai keluasan liputan lebih dari 200 cm<sup>2</sup>.

#### **Orientasi Penulisan**

Daripada 102 artikel, lapan daripadanya atau 7.8 peratus mempunyai orientasi penulisan sebagai ‘mengajak masyarakat menghargai alam sekitar’. Daripada jumlah tersebut, 2.5 peratus mempunyai keluasan liputan lebih daripada 151 cm<sup>2</sup> seperti mana yang boleh dilihat pada Jadual 15.

JADUAL 15. Taburan orientasi penulisan liputan mengikut keluasan

Kecondongan	<50cm <sup>2</sup>	51-100cm <sup>2</sup>	101-150cm <sup>2</sup>	151-200cm <sup>2</sup>	Lebih 200cm <sup>2</sup>	Jumlah
Sekadar liputan biasa	15(29.4%)	12(23.5%)	12(23.5%)	9(17.6%)	3(5.9%)	51(100.0%)
Mesej pendidikan/kesedaran alam sekitar	1( 4.2%)	0(0.0%)	4(16.7%)	2(8.3%)	17(70.8%)	24(100.0%)
Kritikan t'dap keadaan alam sekitar yg. sedia ada	6(31.6%)	3( 15.8%)	4( 21.1%)	1(5.3%)	5(26.3%)	19(100.0%)
Ajak m'kat hargai alam sekitar	2(25.0%)	1(12.5%)	0(0.0%)	2(25.0%)	3(37.5%)	8(100.0%)
Jumlah	24(23.5%)	16(15.7%)	20(19.6%)	14(13.7%)	28(27.5%)	102(100.0%)

## Perbincangan dan Kesimpulan

Secara umumnya, didapati akhbar The Star telah memberi penekanan yang lebih kepada liputan isu alam sekitar berbanding dengan akhbar Utusan Malaysia. Ini digambarkan oleh lebih banyak artikel yang terdapat di dalam akhbar The Star berbanding dengan akhbar Utusan Malaysia. Selain daripada itu, akhbar The Star juga lebih banyak memaparkan artikel yang berbentuk recana berbanding dengan sekadar artikel yang melaporkan sesuatu bencana alam.

Akhbar The Star juga lebih banyak melaporkan isu kerosakan alam sekitar yang diakibatkan oleh perbuatan manusia. Ini berlainan dengan akhbar Utusan Malaysia yang lebih banyak melaporkan bencana alam secara semulajadi. Akhbar berbahasa Inggeris ini juga turut melaporkan lebih banyak isu alam sekitar yang bertujuan untuk mengkritik keadaan alam sekitar yang ada, mendidik masyarakat agar menghargai alam sekitar, dan mengajak audien menjaga alam sekitar.

Ini mungkin disebabkan oleh peruntukan Section 2 dalam The Star yang memberi ruangan kepada isu alam sekitar melalui ruangan *Environment*. Ruangan ini membolehkan berbagai-bagai isu alam sekitar dibincang dan dilaporkan dengan berbagai-bagai cara. Menurut Penolong Editor, Section 2, The Star, penyediaan ruangan khas untuk alam sekitar ini diadakan untuk membolehkan akhbar The Star mendidik dan menyedarkan orang ramai tentang peri pentingnya menjaga alam sekitar untuk keselesaan hidup generasi sekarang dan akan datang (Tan Cheng Li: 2004).

Bagi akhbar Utusan Malaysia pula, temubual dengan Penolong Pengarang Beritanya, menyatakan akhbar tersebut turut memberi perhatian kepada liputan isu-isu alam sekitar. Namun begitu, ianya dibuat dari semasa ke semasa serta mengikut keperluan dan bukannya merupakan isu yang sentiasa diberi perhatian secara berterusan. Menurut beliau, keadaan ini berlaku disebabkan oleh kurangnya ruang dan keutamaan liputan yang terpaksa diambilkira oleh Utusan Malaysia (Manimaran:2004).

Walau bagaimanapun, menurut Manimaran lagi, Utusan Malaysia telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan selama tiga tahun berturut-turut mulai 2001 sehingga 2003 menganjurkan pertandingan landskap sekolah. Ini adalah satu usaha kepertanggungjawaban sosial yang telah dilaksanakan oleh akhbar tersebut demi menyemai kesedaran dan kecintaan generasi muda terhadap alam sekitar.

Penubuhan badan-badan bukan kerajaan seperti GREENPEACE dan Friends of the Earth (FAO) boleh memberi

kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya pencemaran dan perlunya melindungi lapisan ozon. Di Malaysia, muncul badan-badan seperti Sahabat Alam Malaysia (SAM), World Wild Life (WWF), Malayan Nature Society (MNS), dan Environment Protect (EPSM) yang memperjuangkan isu alam sekitar dan pembangunan mampan. Akhirnya adalah diharapkan media massa di negara ini dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha mendidik dan menanam kesedaran alam sekitar di kalangan berbagai-bagi lapisan masyarakat di samping meneruskan agenda pembangunan mampan di negara ini.

---

Rujukan

- M. Alwi Dahlan. 1994. Expanding the Role of Media in Environment and Protection. *Media Asia*. 2(3):152-163
- Bellamy, R.C. 1997. The Media and Business- Towards Positive Environmental Interaction. A paper presented at AMIC Annual Conference, June 19 – 21, 1997. Kuala Lumpur
- Gilbreath, J. (ed) 1984. Business and the Environment: Toward Common Ground. Washington, D.C. The Conservation Foundation.
- Rancangan Malaysia ke-8. 2001. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Golhaber, G. 1993. *Organizational Communication* 6 th. Madison WI: Brown.
- Nitz, M. 2004. The Media as a Tool for Communiiction on the Environtment and Sustainability.[on line] <http://www.projekte.org/millennium/papers/paper7/>. Kedapatan pada 5 April 2004
- Griffin, R. & Dunwoody, S. 1995. Impacts of Information Subsidies and Community Structure On Local Press Coverage of Environmental Contimantion. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 72,pp.271-284
- Larson,M.A., Zimmerman, D.,& Scherer,C . 1982. Communication Behaviour by Environtment Activist Compared To Non Active Persons. *Journal of Environmental Education*, 20(2):6-13
- Shanahan, J., & Good,J. 1999. Heat and Hot Air: Influence of the Local Temperature on Journalist's Coverage of the Global Warming. Paper Presented at the Fifth Biennal Conference on Communication and Environment. Flagstaff, AZ.
- Shanahan, J., & McComas, K. 1997. Television Portrayal of the Environment:1991-1 1995.*Journalism and Mass Communication Quarterly*, 74: 147-159
- Cantrill, J.1993. Communication and Our Environment:Categorizing Research in E Environmental Advocacy.*Journa of Applied Communication Research*.21:36-66
- Adler, J.1992. Little Green Lies: The Environment Miseducation of America's C Children.*Policy Review*. 56:18-27
- Chepesiuk, R. 1993. Covering the Environment Beat. *Editor and Publisher*.126:18-21

- Nitz, M., Jarvis,S. 1998. Science in the News: The Potential Impact of Televised News Stories About Global Warming. Paper Presented at the 5<sup>th</sup> International Conference on Public Communication of Science and Technology. Berlin, Germany.
- Starvins, R. 1995. Environmental Policy: Better Media Coverage of Risk Urged. Nieman Report, 49 :12
- Jaehny, D. 1990. From Polluted Environment to Endangered Planet:Ideology and Environment in Time.1969-1989. Paper presented at the Annual of the Speech C Communication, Chicago, IL.
- Detwiller, S. 2004. A Content Analysis of Environmental Reporting in Time and New York Times, 1991 and 1992. [on line] <http://www.detwiller.us/thesis.html>. Kedapatan:5 April 2004
- Rubin,D.M., & Sachs,D.P. 1973. Mass Media and the Environment: Water Resources, Land Use and Atomic Energy in California. New York: Praeger
- Belak, E.R., Jr. 1972. The Outdoor Magazines Revisited. *Journal of Environmental Education*. 4 (1):15-19
- Clausing, J. 1971. The Ecological Message of the Outdoor Magazines. *Journal of Environmental Education* 2(4):10-12
- Hoesterey,J.,& Bowman, J.S. 1976. The Environmental Message of Adubon and The Sierra Club Bulettin.*Journal of Environmental Education* 7(3):61-65
- Strodthoff, G.G., Hawkins, R.P.,& Schoenfeld, A.C. 1985. Media Roles in Social Movement: A Model of Ideology Diffusion. *Journal of Communication* 35 (2) (2):134-153
- McGeany, L. 1989. Trends in the Magazine Coverage of Environmental Issues, 1961-1986. *Journal of Environmental Education*, 20(2):6-13
- Howenstein, E. 1987. Environmental Reporting: Shift from 1970 to 1982.*Journalism Quarterly*, 64:842-846
- Mohd. Hatta. 2001. Pemaparan Isu-isu Alam Sekitar di Dalam Berita Harian dan Borneo Post Untuk Tempoh November 2000. Tesis Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian ( Komunikasi). Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Rohani Rubin. 1992. Liputan Pencemaran Alam Sekitar Dalam Berita Harian dan Utusan Malaysia Dalam Tahun 1990. Tesis Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian (Komunikasi). Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan
- Tan Cheng Li. 2004.Temubual pada 18 Mac  
G.Manimaran.2004. Temubual pada 20 Mac